

Mahathir ajak rakyat tolak Pas

UM 27 NOV 1999

Oleh LOKMAN OTHMAN

PASIR MAS 26 Nov. — Perdana Menteri mengajak rakyat Kelantan menolak Pas pada pilihan raya umum kali ini kerana para pemimpin parti itu terbukti telah banyak menipu rakyat dan mungkir janji.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, inilah yang membezakan Pas dengan BN yang tetap mengotakan janji.

"Pas tidak mampu tapi dia tetap janji. Dia janji walaupun tidak pasti dan mereka akan terus berjanji selama-lamanya tetapi tidak pernah tunaikan.

"BN bukan sahaja janji, kita mampu penuhi janji. Di Malaysia kita dapat lihat bagaimana setiap rancangan dapat diselenggarakan dengan sempurna untuk rakyat," katanya ketika berucap di hadapan ribuan rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Othman Talib (1) di sini petang ini.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir meminta rakyat Kelantan mengimbuai kembali apa yang telah dilakukan oleh kerajaan BN sebelum kerajaan Pas memerintah negeri itu.

"Ketika BN memerintah, banyak yang telah disediakan, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), sekolah, hospital, klinik, dan sebagainya yang semuanya dibina ketika kerajaan BN.

"Kita harap rakyat dapat lihat pembangunan dan perubahan-perubahan ini," tambahnya.

Hari ini Dr. Mahathir turut melancarkan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kelantan dan Pelantikan Batu Asas Pusat Ekonomi Islam serta meletak batu asas Projek

Jambatan Ketiga Tendong - Wakaf Che Yeh.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan UM-NO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Dr. Mahathir seterusnya mendedahkan beberapa contoh janji Pas yang diabaikan walaupun para pemimpin parti itu tahu tidak mampu menunaikannya.

Antaranya menjanjikan syurga jika mengundi Pas, menubuhkan negara Islam jika berjaya menubuhkan BN dan melaksanakan hukum hudud.

Bersyukur

Pada masa yang sama Pas mengajarkan rakyat agar jangan berterima kasih dan bersyukur terhadap apa sahaja yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat.

"Sedangkan hakikatnya Pas tidak akan mampu menunaikan janji-janjinya kerana tidak berupaya memperoleh dua pertiga kerusi Dewan Rakyat.

"Jika pakatan pembangkang menang dua pertiga sekalipun, Pas perlu berkongsi kuasa dengan DAP, Keadilan dan PRM.

"DAP dan Keadilan sudah pasti tidak mahu menubuhkan negara Islam atau melaksanakan hudud, jadi bagaimana Pas nak pinda perlembagaan Malaysia untuk menunaikan janji melaksanakan kedua-dua perkara itu," katanya.

Menurut beliau, Pas tergamak un-

tuk membohongi rakyat kerana percaya mereka terlalu mudah diperdayakan.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir juga mendedahkan sikap pemimpin Pas yang bercakap 'dua bahasa' apabila memperkatakan soal negara Islam tersebut.

"Demi hendak memperoleh undi DAP, Pas setuju tidak menubuhkan negara Islam apabila bercakap dengan Lim Kit Siang, tetapi di kampung-kampung pula mereka berjanji untuk memperjuangkannya," kata beliau.

Menurutnya, rakyat tidak boleh percayakan Pas kerana mereka tidak peduli dapat menakutkan rakyat (undi BN masuk neraka) asalkan rakyat undi mereka.

Sehubungan itu, rakyat Kelantan harus insaf bahawa gelagat Pas selama ini hanyalah untuk mengabui mata dan fikiran rakyat dan dalam masa yang sama dapat menutup kelemahan mereka sendiri.

"Kita dukacita kerana orang-orang Pas tutup hati dan mata mereka supaya tak dengar apa yang berlaku di sekitar dan keburukan sendiri melainkan nampak keburukan orang lain sahaja," katanya.

Ini menyebabkan mereka terus bersikap taksab dan tidak ubah seperti masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam sendiri yang berpuak-puak dan mengamalkan assabiyah.

Kata Perdana Menteri, puak-puak tersebut hanya melihat kumpulan lain salah dan mereka sahaja yang benar walaupun hakikat adalah sebaliknya.